WIKIPEDIA

Bahasa Kantonis

Bahasa Kantonis ialah salah satu daripada loghat dalam bahasa Cina. Ia dipertuturkan secara meluas di tenggara tanah besar China iaitu wilayah Guangdong serta bahagian timur wilayah Guangxi, Hong Kong, Makau dan oleh ramai orang Cina seberang laut di seluruh dunia. Khasnya di Malaysia, kebanyakan orang cina yang menuturkan bahasa Kantonis tertumpu di Lembah Klang dan negeri Perak.

Nama bahasa Kantonis diambil daripada *Canton*, sempena nama lama wilayah Guangdong. Dalam bahasa Cina ia dikenali sebagai 廣東話 (gwong2 dung1 waa2). Dalam bidang akademik "bahasa Kantonis" merujuk kepada kelompok dialek yang dituturkan di wilayah Guangdong. Di antara dialek-dialek tersebut, saling fahaman amat kurang. Dalam penggunaan harian pula, "bahasa Kantonis" pada kebiasaannya merujuk kepada dialek pusat bandar Guangzhou yang dikenali sebagai 廣府話 (gwong2 fu2 waa2) dalam bahasa tempatan. Kerana bandar Guangzhou merupakan pusat perdagangan dan pentadbiran bagi kawasan disekelilingnya, tidak hairan bahawa dialek bandar Guangzhou juga difahami penduduk di luar bandar itu. Memandangkan bahawa dialek bandar Guangzhou dikira sebagai bahasa Kantonis baku, rencana ini membincangkan versi bahasa Kantonis dari bandar Guangzhou.

Pihak kerajaan negara China mengklasifikasikan bahasa Kantonis sebagai dialek/loghat (方言) dan bukan sebagai bahasa sebenar dalam usahanya menggalakkan pengunaan bahasa Mandarin sebagai bahasa kebangsaan negara itu. Namun, dari segi bidang kaji bahasa, bahasa Kantonis boleh dikira suatu bahasa tulen kerana bahasa Kantonis dan bahasa Mandarin mempunyai jurang yang besar sehingga tidak saling boleh difaham.Sistem penomboran Kantonis pula berlainan dengan Mandarin.

Bahasa Kantonis

廣東話, *gwong2 dung1 waa2*
粵語, *Jyut⁶Jyu⁵*

Asli di	Selatan China, Hong Kong, Makau, Malaysia Sabah Sandakan, Kuala Lumpur, Kanada, Amerika Syarikat, Australia, New Zealand dan negara lain
Wilayah	tengah Guangdong; Pearl River Delta; timur dan selatan Guangxi; bahagian Hainan
Penutur asli	66 juta [1] (http://www.davidpbrown.co.uk/help/top-100-languages-by-population.html) (*tiada tarikh*)
Keluarga bahasa	Bahasa Sino-Tibetan ▪ Cina ▪ **Bahasa Kantonis**
Status rasmi	
Bahasa rasmi di	Hong Kong KPK dan Makau KPK dari RRC
Kod bahasa	
ISO 639-1	zh
ISO 639-2	chi (B) zho (T)

Bahasa Melayu. Kantonis. Mandarin

Satu	yát	yì
Dua	yì	er
Tiga	sham	san
Empat	sei	sì
Lima	um	wu
Enam	lok	liu
Tujuh	chat	qi
Lapan	pat	ba
Sembilan	kaw	jiu
Sepuluh	sap	shi

Nada

Seperti bahasa/dialek cina yang lain, Kantonis merupakan bahasa berasaskan nada. Penulisan sejarah mengenai Kantonis mencatatkan 9 nada dalam Kantonis. Namun terpulang kepada pandangan individu, angka ini sering dipertikaikan. Jadual di bawah menunjukkan nada-nada bahasa Kantonis

Nama nada	Jam1 Ping4 (陰平)	Jam1 Soeng5 (陰上)	Jam Heoi3 (陰去)	Joeng4 Ping4 (陽平)	Joeng4 Soeng5 (陽上)	Joeng4 Heoi3 (陽去)	Jam1 Jap6 (陰入)	Zung1 Jap6 (中入)	Joeng4 Jap6 (陽入)
Nombor Nada	1	2	3	4	5	6	1 (7)	3 (8)	6 (9)
Kontur	55 / 53	35	33	22 / 21	13	22	5	3	2
Contoh	分	粉	訓	焚	奮	份	忽	發	佛
Perumian	fan1	fan2	fan3	fan4	fan5	fan6	fat1	faat3	fat6

Rencana berkaitan bahasa ini ialah rencana tunas. Anda boleh membantu Wikipedia dengan mengembangkannya (https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Bahasa_Kantonis&action=edit).

Wikipedia ***Bahasa Kantonis***, ensiklopedia bebas

Diambil daripada "https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Bahasa_Kantonis&oldid=4698386"

Laman ini kali terakhir disunting pada 03:15, 6 Januari 2020.

Teks disediakan dengan Lesen Creative Commons Pengiktirafan/Perkongsian Serupa; terma tambahan mungkin digunakan. Lihat Terma Penggunaan untuk butiran lanjut.